

## **TRANSFORMASI PEMIKIRAN DAN NASIONALISME ABUL KALAM AZAD (1888-1958M) DI INDIA**

**Farrah Wahida Mustafar**

Fakulti Sains Sosial, Kolej Universiti Islam Melaka

**Adam Badhrulhisham**

Fakulti Keilmuan Islam, Kolej Universiti Islam Melaka

*Corresponding Author's Email: farrahwahida@kuim.edu.my*

### **Article history:**

*Received : 18 June 2021*

*Accepted : 13 August 2021*

*Published : 10 September 2021*

### **ABSTRAK**

Artikel ini mengkaji usaha dan sumbangan Abul Kalam Azad dalam gerakan islah dan pembaharuan di India. Dalam usaha memperjuangkan ideologi perpaduan antara nasionalisme dan pan-Islam, Abul Kalam Azad cuba untuk menimbulkan rasa cinta masyarakat Islam dan Hindu terhadap tanah air (semangat patriotisme) dan agama kerana menganggap dua perkara tersebut seiring yang tidak boleh dipisahkan. Objektif kajian ini adalah untuk meneliti latar belakang Abul Kalam Azad serta meneroka sumbangan beliau dalam transformasi nasionalisme serta pemikiran Islam sebagai panduan masyarakat Islam dan di India. Kajian berbentuk kualitatif ini menggunakan pendekatan kajian sejarah dan analisis kandungan. Kajian ini mengumpulkan data melalui dokumentasi yang berkaitan dengan Abul Kalam Azad. Dapatkan kajian mendapati Abul Kalam Azad sebagai seorang tokoh pembaharuan pemikiran Islam telah menggunakan medan politik sebagai medan penanaman semangat sayangkan negara dan tanahair serta menghubungjalinkan persaudaraan kepada seluruh masyarakat di India. Dalam masa yang sama, berdasarkan keadaan umat Islam yang berada dalam kemunduran ketika itu, Abul Kalam Azad banyak menggunakan kaedah kefahaman Islam berasaskan tekstual-kontekstual bagi memudahkan penerapan dan kefahaman masyarakat Islam terhadap sumber ajaran Islam. Walau bagaimanapun transformasi pemikiran Azad memperlihatkan unsur pluralisme agama yang kuat dalam pemahaman beliau seperti yang terdapat dalam karya agungnya Tarjuman al-Quran.

**Kata kunci:** Abul Kalam Azad, pemikiran, nasionalisme

## ***TRANSFORMATION OF THOUGHT AND NATIONALISM ABUL KALAM AZAD (1888-1958M) IN INDIA***

### ***ABSTRACT***

*This article examines the efforts and contributions of Abul Kalam Azad in the reform and reform movement in India. In an effort to fight for the ideology of unity between nationalism and pan-Islam, Abul Kalam Azad tried to evoke a sense of love of the Muslim and Hindu communities towards the homeland (spirit of patriotism) and religion because he considered the two things inseparable. The objective of this study is to examine the background of Abul Kalam Azad as well as explore his contribution in the transformation of nationalism as well as Islamic thought as a guide for the Muslim community and in India. This qualitative study uses historical research approach and content analysis. This study collects data through documentation related to Abul Kalam Azad. The findings of the study found that Abul Kalam Azad as a figure of Islamic thought reform has used the political field as a field to cultivate the spirit of love for the country and the homeland as well as to establish brotherhood to the entire community in India. At the same time, based on the situation of Muslims who were in backwardness at that time, Abul Kalam Azad used many methods of understanding Islam based on textual-contextual to facilitate the application and understanding of the Muslim community to the sources of Islamic teachings. However the transformation of Azad's thought shows a strong element of religious pluralism in his understanding as found in his masterpiece Tarjuman al-Quran.*

***Keywords:*** *Abul Kalam Azad, Thought, Nationalism*

### **PENGENALAN**

India merupakan antara negara yang mempunyai latar belakang sejarah yang panjang. Ketamadunan India yang bermula sekitar 6000-5000 SM (Sadari, 2020) berpegang kepada kepercayaan agama Hindu di samping fakta sejarah yang membuktikan terdapatnya ajaran agama Buddha dan agama Jaina. Dalam konteks perkembangan Islam pula, literatur-literatur banyak menggambarkan India telah menerima dakwah Islam sejak dari tahun 710M (Mohamad Zuldazlee, Mohd Roslan dan Ezad Azraai, 2013). Malahan terdapat juga kajian yang mengatakan interaksi Islam dengan India sudah bermula sejak dari zaman nabi Muhammad s.a.w., *khulafa' ar-rasyidin*, Dinasti Umayyah dan Dinasti Ghuri (Sadari, 2020). Oleh itu, majoriti masyarakat di India lazimnya beragama Hindu, namun masyarakat Islam juga menempati dalam negara tersebut. Walau bagaimanapun, setelah India mencapai kemerdekaan pada tahun 1947, berlaku pemisahan antara India dan Pakistan masing-masing mewakili kepada pengikut agama majoriti iaitu India-Hindu dan Pakistan-Islam. Walau bagaimanapun sehingga kini, masih terdapat masyarakat Islam dalam jumlah yang kecil tinggal di India. Meskipun

menjadi golongan minoriti, masyarakat muslim di India tidak terkecuali dalam perjuangan nasionalis di negara tersebut. Antara tokoh yang popular yang memperjuangkan kemerdekaan negara India pada akhir tahun 1800 dan awal 1900 ialah Abul Kalam Azad. Fokus utama artikel ini ialah membincangkan pemikiran Abul Kalam Azad dalam konteks nasionalisme dan pemikiran Islam di India. Azad merupakan salah seorang aktivis yang dikenali di India dan dalam kalangan orang Inggeris malah aktiviti-aktiviti pembaharuan pemikiran Islam moden yang dikenali dengan pan-Islamisme juga dikaitkan dengan nama Azad. Walau bagaimanapun, tidak banyak kajian yang dibuat berkenaan tokoh ini yang secara relatifnya kurang popular berbanding tokoh pemikiran Islam India lain seperti Abu al-Hasan al-Nadwi dan Abu al-Ala al-Mawdudi. Justeru itu, makalah ini dihasilkan bagi mengenal pasti sumbangan pemikiran Azad terhadap gerakan nasionalisme di India di samping idea-idea transformasi pemikiran Islam yang dicetuskan oleh beliau.

## BIOGRAFI ABUL KALAM AZAD

Menurut Encyclopedia Britannica (2021) Azad atau Maulana Abul Kalam Azad atau Maulana Azad, dilahirkan pada 11 November pada tahun 1888 di Mekah dan telah meninggal dunia pada 22 Februari 1958 di New Delhi, India. Nama sebenar beliau ialah Muhiyuddin Ahmad, manakala bapanya bernama Khairuddin Ahmad (Ahmad Rafiq, 2001). Gelaran ‘Azad’ yang bermaksud bebas merujuk kepada bebas dalam berfikir yang diperoleh setelah beliau cuba melepaskan diri ikatan pemikiran ortodoks yang telah diterimanya dari pendidikan keluarga. Beliau ialah seorang ahli teologi Islam yang bergiat aktif sebagai pemimpin dalam gerakan kemerdekaan. Walau bagaimanapun, Azad dikatakan seorang kurang menonjol dalam bidang pemikiran pembaharuan dalam Islam jika dibandingkan dengan kegiatannya dalam bidang politik (Ahmad Syaukani, 1997). Beliau merupakan seorang yang fasih berbahasa Arab dan Parsi. Bapa beliau pula adalah seorang pengamal tarikat (Abdul Sani, 1998) dan ulama’ warga India yang telah berhijrah ke Mekah pada tahun 1857 ketika terjadi pemberontakan di India (B. Syafuri, 1996) manakala ibunya pula berketurunan Arab (Toipah, 2017). Khairuddin merupakan seorang ulama’ konservatif yang sangat berhati-hati apabila berhadapan dengan informasi-informasi baharu yang dianggap akan menghancurkan keyakinan terhadap keagamaan (Ahmad Rafiq, 2001; Za’im, 2020).

Azad merupakan orang yang berpengaruh di seluruh lapisan masyarakat, baik dalam kalangan intelektual maupun orang awam pada ketika itu malah beliau juga dikenali sebagai orang yang mempunyai integriti moral yang tinggi. Selain ilmu agama, Azad telah mempelajari sendiri ilmu pengetahuan barat dengan membaca pelbagai buku dan kemudiannya beliau memutuskan untuk melakukan pembaharuan pemikiran dalam Islam. Minat terhadap penulisan dan bidang politik sudah terlihat sejak beliau masih kecil. Dikatakan pada usia 12 tahun, beliau sudah mula menulis buku tentang riwayat hidup Imam al-Ghazali (Abdul Sani, 1998). Keintelektualan Azad pernah diperakui oleh Wilfred Cantwell Smith (B. Syafuri, 1996). Sejak usia muda beliau Azad telah

menyumbang penulisan dalam beberapa makalah antaranya Jurnal *al-Hilal* (1912-1914) di Kalkutta yang diterbitkan secara mingguan (H.M. Yusran Asmuni, 1996), *al-Balaghah* (1915-1916), *Tazkirah* (1919), *Tarjuman al-Quran* (1931-1934) dan *Ghubar i-Kathir* (1946) (Saidul Amin, 2018). Kesemua penulisannya adalah berkisar tentang pendidikan dan falsafah. Za’im (2020) menyatakan bahawa paling kurang karya Azad berjumlah sebanyak 135 karya iaitu 117 di dalam bahasa Urdu, Parsi dan Arab, manakala selebihnya dalam bahasa Inggeris. Selain itu, beliau sangat tertarik dengan ideologi Jamaluddin al-Afghani, malah terinspirasi juga dengan penulisan Sayyid Ahmad Khan yang akhirnya mendorong beliau untuk menguasai Bahasa Inggeris dan ilmu-ilmu moden yang lain (Ahmad Rafiq, 2001). Pemikiran Muhammad Abduh, Rasyid Ridha dan Jamaluddin al-Afghani sebagai Bapa Nasionalisme Islam telah mempengaruhi Abul Kalam Azad yang jelas terpapar di dalam penulisannya.

Walaupun sepanjang hayat beliau, Azad disanjungi dan disenangi khususnya oleh masyarakat Muslim, namun di akhir hayatnya beliau dicemuh kerana dianggap sebagai penghalang kepada penubuhan negara Pakistan (H.M. Yusran Asmuni, 1996). Hasrat Azad untuk memperjuangkan negara India yang berlandaskan perpaduan masyarakat Islam dan Hindu dalam satu negara dilihat bertentangan dengan kehendak rata-rata masyarakat Ketika itu yang cenderung memisahkan masyarakat berdasarkan agama iaitu Pakistan (Islam) dan India (Hindu) (Ahmad Syaukani, 1997).

## TRANSFORMASI NASIONALISME AZAD

Umat Islam ketika itu di India mengalami kemerosotan khususnya dalam arena pemikiran. Kemunduran umat Islam pada ketika itu adalah disebabkan oleh dogmatisme dan sikap taqlid, malah mereka tidak lagi menjalankan ajaran-ajaran Islam (Ahmad Syaukani, 1997). Selaras dengan pemikiran pan-Islamisme yang diciptakan al-Afghani, Azad berpendapat kebangkitan umat Islam hanya akan terjadi sekiranya mampu melepaskan diri dari fahaman yang lampau dan melaksanakan ajaran Islam dalam segala bidang kehidupan (B. Syafuri, 1996; Ahmad Syaukani, 1997). Pada tahun 1921 ketika di dalam Konferensi *Jami’yat al-Ulama Hind*, Azad mengatakan bahawa orang Islam berhak untuk mendapat gelaran masyarakat yang terbaik hanya apabila mereka mengikuti al-Quran dan al-Sunnah; syariat Islam adalah syariat yang terakhir dan yang paling sempurna dari semua pernyataan hukum (undang-undang); kemunduran pemikiran telah menyebabkan kemunduran umat dan penghentian ijtihad, dan umat banyak membincangkan isu-isu *furu’* (B. Syafuri, 1996).

Penulisannya menerusi *al-Hilal* banyak menumpukan idea untuk melepaskan umat Islam dari pemikiran abad pertengahan dan taqlid (B. Syafuri, 1996). Beliau menganjurkan umat Islam agar kembali kepada ajaran Islam yang murni berpandukan al-Quran dan al-Sunnah (Abdul Sani, 1998). Kedua sumber ini perlu difahami secara benar dan bebas dari pemikiran ahli hukum, sufi, teologis dan para ahli falsafah. Bagi memudahkan sumber utama Islam untuk difahami ia perlu diterjemahkan ke dalam bahasa tempatan iaitu bahasa Urdu. Sekiranya umat Islam mampu menjalankan secara bersungguh-sungguh isi kedua

sumber itu, tentu masyarakat Islam mampu meraih kemajuan sepetimana masa kegemilangan zaman klasik (Abdul Sani, 1998).

Dari sudut politik umat Islam dianggap sebagai pengkhianat dan menjadi pengikut kepada penjajah Inggeris di tanah India (Ahmad Rafiq, 2001). Situasi ini sudah pasti memberikan tekanan yang kuat terhadap masyarakat Islam memandangkan mereka adalah golongan minoriti di India. Hal tersebut telah menyebabkan berlakunya ketegangan antara orang Hindu dengan Islam lantas mengheret sentimen agama ke dalam kancalah politik. Bagi menangani masalah ini Azad merasakan masyarakat Hindu dan Islam perlu bersama-sama berganding bahu bersatu di atas platform semangat kebangsaan dan mengeneplikan sentimen agama. Azad sangat berkeinginan untuk melihat masyarakat Islam dan Hindu sama-sama bangkit menentang penjajahan Inggeris dan dapat hidup dengan aman. Azad telah cuba menggabungkan persatuan Hindu dan Muslim untuk mengusir penjajah Inggeris (Asrul, 2019). Kesungguhan Azad telah memberi ruang untuknya bergabung di dalam politik dan menjadikan beliau seorang berpengaruh. Justeru beliau memilih untuk berjuang bersama Parti Kongres India meskipun ia rata-rata dianggotai masyarakat Hindu. Penglibatan beliau dalam wadah ini begitu kuat sehingga akhirnya Azad menjadi salah seorang tokoh penting serta malahan pernah menjadi menteri pendidikan bagi mewakili parti tersebut (Saidul Amin, 2018). Sepanjang penglibatan beliau dalam arena politik, Azad dikenali sebagai seorang yang lantang dan berani mengkritik penjajah. Dalam penerbitan *al-Hilal*, beliau melontarkan idea-idea dan kritikan terhadap pemerintah Inggeris sehingga akhirnya penerbitan tersebut dihentikan (Ahmad Syaukani, 1997). Kelantangan beliau mengkritik penjajah dan menyemarakkan semangat nasionalisme telah menyebabkan beliau ke penjara beberapa kali. Ketokohan beliau dalam politik menyaksikan pengaruh dan kepercayaan masyarakat terhadap beliau berkembang dengan begitu kuat. Kemuncaknya pada tahun 1923, beliau telah dipilih sebagai Presiden Kongres ketika berusia 30 tahun (Abdul Sani, 1998) dan tahun 1940 beliau dipilih sekali lagi Presiden Parti Kongres (B. Syafuri, 1996). Tidak terhenti setakat itu, beliau juga pernah menganggotai kabinet India setelah merdeka dengan menjawat jawatan Menteri Pendidikan India (Ahmad Syaukani, 1997). Kedudukannya dalam kancalah politik digunakan sebaiknya oleh Azad untuk mengajak masyarakat Islam di India menyertai gerakan nasionalisme. Beliau cuba meyakinkan para ulama yang telah menjauhkan diri dunia politik untuk turut serta dalam perjuangan membebaskan tanah air melalui medium politik (Saidul Amin, 2018). Azad berpendapat memisahkan agama dari politik adalah satu kesalahan. Menurut beliau tidak ada pertentangan antara Islam dan nasionalisme India serta semua darah dan nyawa umat Islam dan bukan Islam adalah sangat berharga. Dalam keadaan yang runcing ini, Azad terus mendorong agar umat Islam bekerjasama dengan masyarakat Hindu, Sikh, Parsi dan Kristian untuk membebaskan tanah air yang dijajah (Harun Nasution, 1992).

## TRANSFORMASI PEMIKIRAN ABUL KALAM AZAD

Terdapat tiga buku yang berkaitan dengan al-Quran yang disusun oleh Azad iaitu *Muqaddimat Tafsir* iaitu prinsip-prinsip umum penafsiran al-Quran; *Tafsir al-Bayan* iaitu penjelasan tentang seluruh ayat-ayat al-Quran; dan *Tarjuman al-Quran* yang bertujuan memaparkan nilai-nilai ajaran yang universal dalam al-Quran (Ahmad Rafiq, 2001). Walau bagaimanapun, hanya *Tarjuman al-Quran* yang sempat diselesaikan yang berfokus kepada Surah al-Fatiha sahaja yang dianggap telah merangkumi seluruh nilai-nilai umum yang terkandung di dalam al-Quran keseluruhannya. Meskipun begitu *Tarjuman al-Quran* dikatakan memberi impak yang sangat besar sehingga dianggap sebagai *magnus opus* Abul Kalam Azad (Syed Mahmud, 1981).

Dalam penafsirannya, Azad cenderung untuk menafsirkan al-Quran melalui pemahaman rasional tentang hubungan antara ayat-ayat tersebut sehingga sangat jarang terlihat kutipan hadis di dalam karyanya (Ahmad Rafiq, 2001). Azad tidak menolak hadis, malah tetap menganggap hadis sebagai sumber kedua ajaran Islam setelah al-Quran. Berkelaan hadis, Azad (1962) menegaskan pengaruh pemikiran asing ke dalam agama Islam sepanjang sejarah menjadikan banyak penafsiran al-Quran dibuat dengan bersumberkan hadis-hadis yang tidak sahih dan tidak jelas. Justeru itu, Azad banyak menjelaskan tafsirnya dari ayat al-Quran dengan ayat al-Quran lainnya bagi menjelaskan tentang ayat-ayat tersebut (Sajad, 2020). Azad berpendapat al-Quran memiliki keunikan yang tiada tara dalam penyataan dan ungkapan ayat serta membawa konseptual yang rasional dan masuk akal bukan sekadar ayat-ayat yang bersifat teoritikal namun cenderung kepada alamiah realiti manusia (Lien Iffah, 2012). Malah al-Quran juga dianggap seperti perbicaraan yang disampaikan kepada emosi manusia yang paling dalam yang boleh difahami oleh seluruh masyarakat. Azad menjadikan al-Quran sebagai kitab yang mengemukakan tentang kebenaran moral dan spiritual. Menurut beliau lagi, kekuatan isi kandungan al-Quran sebenarnya terletak pada penyampaian ayat-ayat yang ringkas tetapi indah dan mudah difahami (Azad, 1981).

Penulisan karya tafsir Azad dicorakkan oleh suasana konflik yang melanda India pada ketika itu. Kemunduran umat Islam di India ditambah pula dengan perseteruan Islam-Hindu yang merencatkan usaha memperoleh kemerdekaan dari British mendorong beliau menulis dan mempersebahkannya kepada masyarakat. Justeru itu, Azad telah menyusun tafsirnya dengan mempertimbangkan realiti yang sedang berlaku di India dengan memberikan makna hakiki al-Quran supaya terlihat jalan keluar dan penyelesaian. Azad dikatakan seorang tokoh pembaharu pemikiran Islam yang menggunakan metodologi tekstual-teologi dan pendekatan perbandingan agama (Za’im, 2020).

Tafsir yang ditulis oleh Azad dianggap berbeza dengan tafsir lain kerana beliau cuba menyentuh hati manusia bukan pembuktian melalui akal semata-mata. Dengan demikian, tafsir beliau boleh dikatakan lebih mengarah kepada tradisi sufi yang diamalkan dalam tradisionalisme moden. Pada awalnya, Azad berpandangan bahawa para pentafsir al-Quran telah mendasari tafsir mengikut bentuk dari persekitaran mengikut zaman masing. Malah terdapat juga pengaruh

kecenderungan para pentafsir kepada kelompok, mazhab atau kekuatan kuasa di zamannya, pengaruh falsafah sehingga mengaburi makna dan penafsiran rasional (tidak mencapai makna keseluruhan ayat) sehingga semakin jauh dari realiti dan makna hakiki al-Quran. Azad kemudian mengkritik metodologi pentafsiran al-Quran khususnya pada era pertengahan, bahkan seawal kurun ketiga dan keempat hijrah; di mana menurut beliau zaman tersebut telah banyak dipengaruhi unsur-unsur asing. Beliau menyatakan bahawa antara kesilapan fatal dalam kalangan para pentafsir selepas kurun ketiga ialah mereka akan mentafsirkan al-Quran dengan bertaqlid kepada para *mufassirun* sebelumnya. Hal demikian membuatkan seandainya para *mufassir* sebelum mereka melakukan kesilapan, kesilapan tersebut akan diulangi oleh generasi pentafsir sesudah mereka (Azad, 1981). Namun begitu, beliau tidak mempertikaikan keikhlasan para imam tafsir yang benar-benar ikhlas dalam melakukan ijtihad pemikiran semata-mata kerana Allah (Ahmad Rafiq, 2001).

Secara asasnya antara tema utama yang diketengahkan oleh Azad melalui karyanya ialah penekanan terhadap pendekatan pentafsiran al-Quran yang semakin lama semakin jauh daripada kehendak asal firman Allah SWT tersebut. Azad berpendapat antara kekuatan utama ayat al-Quran ialah keringkasan (*simplicity*) struktur ayat yang mampu menyentuh jiwa manusia secara langsung seperti mana yang berlaku kepada generasi terawal. Justeru mereka mampu bukan sahaja memahami ayat al-Quran tetapi mampu menterjemahkan kehendak Allah SWT melaluinya dalam kehidupan. Walau bagaimanapun, situasi ini berubah apabila generasi-generasi seterusnya yang terpengeruh dengan disiplin ilmu dan dialektika Yunani dan Rom sehingga ayat al-Quran tidak lagi mampu difahami dengan nilai keringkasan yang ada padanya. Malahan ia cuba difahami dengan kerangka pengaruh falsafah asing sehingga merumitkan pentafsiran ayat-ayat al-Quran sehingga menjadikan ianya sukar difahami dengan baik. Azad secara khusus mengkritik Fakhr al-Din al-Razi yang menghasilkan karya tafsir yang penuh unsur-unsur falsafah sehingga dianggap menghilangkan nilai keringkasan al-Quran untuk difahami. Beliau berpendapat lagi, pentafsiran pada era pertengahan Islam terlalu tenggelam dengan persoalan-persoalan falsafah yang sebenarnya tidak mendatangkan manfaat kepada umat Islam sedangkan generasi awal sama sekali tidak terlintas di fikiran mereka berkenaan. Walau bagaimanapun, Azad dilihat cenderung kepada pandangan kelompok Asya'irah dalam mentafsirkan ayat *mutasyabihat* dalam al-Quran dengan pendekatan takwil meskipun kemudiannya beliau menyatakan pendekatan *tafwid* ialah pendekatan terbaik (Azad, 1981).

### **Tafsir Tarjuman Al-Quran Dan Surah Al-Fatiyah**

Antara sumbangan Azad yang popular ialah tafsir *Tarjuman al-Quran* yang jilid pertamanya telah diterbitkan pada tahun 1930 (Toipah, 2017) dan 1936, kemudian disemak dan dicetak semula pada tahun 1945 (Sajad, 2020). Ketika proses penulisan tafsir ini berjalan, manuskrip ini telah dirampas sebanyak tiga kali oleh pihak polis. Bahkan pengenalan dan bahagian awal tafsir ini ditulis ketika Azad berada di dalam penjara. *Tarjuman al-Quran* bertujuan memaparkan

nilai-nilai ajaran yang universal dalam al-Quran. Azad menyatakan bahawa kandungan al-Quran adalah jelas digambarkan di dalam surah al-Fatiyah iaitu (1) sebutan Tuhan yang tepat, (2) penanaman keyakinan hubungan sebab akibat dalam kehidupan dan (3) penanaman keyakinan akan adanya kehidupan setelah mati. Azad berpendapat bahawa surah al-Fatiyah merupakan makna umum keseluruhan isi kandungan al-Quran yang demikian surah ini dinamakan sebagai *Fatiyah al-Kitab*. Azad telah mengambil beberapa kata kunci dalam al-Fatiyah untuk diteroka dan ditafsirkan dengan ayat-ayat al-Quran lain bagi menjelaskan kata kunci tersebut (Lien Iffah, 2012). Surah al-Fatiyah dianggap sebagai pusat utama al-Quran yang apabila difahaminya maka bahagian lain di dalam al-Quran juga boleh difahami dengan baik.

Surah al-Fatiyah dikatakan telah terangkum seluruh nilai-nilai umum yang termuat dalam al-Quran keseluruhannya (Ahmad Rafiq, 2001). Dalam *Tarjuman al-Quran* jilid pertama, keseluruhan surah al-Fatiyah telah dibahagikan kepada tujuh pembahasan utama iaitu *fadhilah* (kepentingan), *al-hamd* (pujian), *rububiyyah*, *rahmah* (kasih sayang), ‘*adalah* (keadilan, tauhid (keesaan) dan *hidayah* (petunjuk) (Azad, 1981). Permulaan ayat *al-hamd li Allah Rabb al-alamin* difahami dalam aspek kemanusiaan (Ahmad Rafiq, 2001). Pujian yang dimaksudkan adalah ditujukan sebenar-benarnya kepada Allah s.w.t. dan bukan kepada yang lain. Pembatasan secara manusiawi bertujuan mengingatkan hati dan fikiran manusia akan kekuatan luar biasa yang mengatasi seluruh makhluk, sehingga seluruh aktiviti kehidupan hanya tertuju pada-Nya. Penafsiran ini diperkuatkan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Terjemahan: “(Iaitu) orang-orang yang mengingati Allah sambil berdiri, duduk atau dalam keadaan berbaring, dan mereka memikirkan tentang penciptaan langit dan bumi (dan berkata), Ya Tuhan Kami, tidaklah Engkau menciptakan semua ini sia-sia; Maha Suci Engkau, lindungilah kami dari azab neraka”. (Surah Ali Imran : 191)

### Sifat Hakiki Tuhan (*Rububiyyah, Rahmah* Dan ‘*Adalah*)

Dalam kitab *Tarjuman al-Quran* telah menggariskan bahawa tiga sifat hakiki Tuhan iaitu sifat-sifat Tuhan yang dimaksudkan ialah *Rabb al-'alamin* (رب الْعَالَمِين) (*Tuhan yang Memelihara dan Mentadbirkan sekalian alam*), *al-Rahman*, *al-Rahim* (الرَّحْمَنُ الرَّحِيمُ) (*Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani*) dan *Maliki Yaum al-Din* (ملك يَوْمَ الدِّين) (*Yang Menguasai pemerintahan hari pembalasan (hari akhirat)*) yang dikelompokkan dalam *rububiyyah*, *rahmah* dan ‘*adalah* sebagai intisari di dalam surah al-Fatiyah yang ditujukan kepada seluruh umat manusia tanpa terkecuali yang dikatakan sebagai prinsip dasar teori Azad (Ahmad Rafiq, 2001). Dalam bahagian terakhir surah al-Fatiyah, *hidayah* yang difahami adalah tentang harapan manusia untuk mendapat bimbingan jalan yang lurus. Azad mengatakan terdapat empat petunjuk yang diberikan Tuhan kepada manusia iaitu deria (*instinct*), pancaindera, akal dan wahyu kenabian (Lien Iffah, 2012). Tiga petunjuk yang mempunyai keterbatasan ialah deria (*instinct*),

pancaindera dan akal, manakala wahyu dan kenabian dianggap sebagai petunjuk yang tertinggi yang merupakan bukti dari *rububiyyah*, *rahmah* dan ‘*adalah* Tuhan. Petunjuk ini disebut sebagai *al-din* iaitu agama atau jalan kehidupan yang sesuai dengan fitrah dan peranan manusia. Dengan demikian, Azad mengatakan pada dasarnya semua agama adalah satu dan yang menjadi perbezaan adalah lapisan luar yang menyalut hasil dari pembentukan melalui pengaruh persekitaran dan pemikiran dari masyarakat terdahulu.

*Rububiyyah* difahami sebagai proses pengembangan dan pemeliharaan segala sesuatu secara berterusan peringkat demi peringkat sehingga mencapai sifatnya yang ideal pada setiap peringkat itu. *Rahmah* pula difahami sebagai aturan seluruh kreativiti Tuhan dengan mewujudkan sifat *rububiyyah*-Nya melalui kerahmatannya kepada seluruh makhluk tanpa terkecuali. Terakhir, ‘*adalah* berkait dengan sebab-akibat yang logik dalam kehidupan manusia yang mungkin setiap manusia melakukan kesalahan. Azad berpendapat, teologi tidak akan berjalan tanpa berpijak pada konteks kehidupan yang terus berubah sebagai eksistensi kreativiti tuhan (Muhammad Said, 2015).

### Konsep Tuhan: Monoteisme Dan Nama Allah

Azad membahaskan tentang konsep tuhan monoteisme adalah yang paling lama dan primitif di dalam karyanya yang bertajuk *Basic Concept of the Qur'an* (Za'im, 2020). Menurut Nelly (2020) berpendapat dalam penulisannya bahawa Azad menganggap seluruh umat manusia dari generasi ke generasi adalah pengikut monoteisme melalui ayat dari surah al-Fatiyah *iyaka na'budu wa iyaka nasta'in* (يَأَيُّهَا نَعْبُدُ وَيَأَيُّهَا نَسْتَعِينُ) (*Engkau sahaja (Ya Allah) yang Kami sembah dan kepada Engkaulah sahaja kami memohon pertolongan*). Azad juga menegaskan bahawa Allah adalah jalan Tuhan sejagat (*rabb al-alamin*) adalah jalan yang benar (*sirat al-mustaqim*) yang tidak tergolong dalam agama tertentu dan melangkaui perbezaan manusia melalui bangsa, warna kulit dan agama (Nanang, 2018). Hal ini adalah didasarkan kepada fakta-fakta antropologi tentang bangsa-bangsa terdahulu yang tunduk kepada satu kuasa yang luar biasa dalam kehidupan mereka (Toipah, 2017). Antara hujah lain yang berkaitan dengan manusia berasal dari satu agama, Azad berpandukan kepada Surah Yunus ayat 19 dan Surah Al-Baqarah ayat 213 (Nanang, 2018), terjemahan adalah seperti berikut:

Terjemahan: “*Dan (ketahuilah bahawa) manusia pada mulanya tidak memeluk melainkan agama yang satu (agama Allah), kemudian (dengan sebab menurut hawa nafsu dan Syaitan) mereka berselisihan*”. (Surah Yunus: 19)

Terjemahan: “*Manusia itu adalah umat yang satu. (setelah timbul perselisihan), maka Allah mengutus para nabi, sebagai pemberi peringatan, dan Allah menurunkan bersama mereka Kitab yang benar, untuk memberi keputusan di antara manusia tentang perkara yang mereka perselisihkan*”. (Surah Al-Baqarah: 213)

Azad membahaskan tentang pilihan sebutan nama Allah dalam al-Quran menerusi kajian dan perbandingan terhadap bahasa-bahasa serumpun semitik seperti Ibrani, Syria, Akadia, Aramaik dan Arab yang menunjukkan mempunyai kesamaan huruf dasar dalam menyebut Tuhan iaitu A, L dan H (Azad, 1981). Dengan demikian, Azad menyimpulkan bahawa perkataan Allah dalam bahasa Arab adalah menunjukkan ungkapan manusia yang mewakili kepada kebesaran (Ahmad Rafiq, 2001). Sebutan ini dikatakan berbeza dengan ungkapan sifat-sifat Tuhan yang lain yang mewakili satu kekuatan tertentu yang dimiliki oleh Tuhan.

### **Pemikiran Pluralisme Agama Abul Kalam Azad**

Meneliti pemikiran Azad menerusi *Tarjuman al-Quran* didapati ianya adalah sebuah karya yang memfokuskan seruan kepada kesatuan manusia melalui nilai toleransi. Tema ini sudah pasti dipengaruhi keadaan masyarakat India ketika itu di bawah pemerintahan British yang menyaksikan konflik antara umat Islam dan Hindu yang dianggap merencatkan perjuangan nasionalisme India. Pada awal pembicaraan *Tarjuman al-Quran* Azad dilihat mempu menterjemahkan tema-tema utama surah al-Fatihah dengan baik dan berkesan. Walau bagaimanapun, beliau didapati cenderung kepada pemikiran pluralisme agama. Apabila membincangkan tema hidayah, Azad mengutarakan konsep *wahdah al-adyan* (kesatuan agama) dengan jelas. Azad (1981) menyatakan bahawa kalimah *Din* perlu dibezakan dengan *minhaj* atau *syir'ah*. *Din* bagi Azad ialah nilai dalaman atau intipati iman iaitu kepercayaan kepada Tuhan yang satu tanpa mengira agama. Menurut Azad lagi, boleh dikatakan kesemua agama dunia mempunyai asal usul monoteisme yang memperakui keesaan Tuhan. Namun, peredaran zaman dan tamadun yang disulami perkembangan falsafah menjadikan konsep itu lama kelamaan semakin terhakis. Kendati pun begitu, asal setiap agama adalah penyerahan kepada Tuhan yang satu. Nilai ini menurut Azad, bersama dengan melakukan amal kebajikan merupakan maksud sebenar *Din* tanpa perlu terikat dengan mana-mana kelompok, bangsa, bahasa bahkan agama khusus.

Justeru maksud perhambaan kepada Allah SWT dalam erti kata sebenar ialah penyerahan kepada Tuhan yang satu dan ianya perlu dilakukan dalam kerangka inklusif, bukan eksklusif. Adapun perbezaan dari sudut ritual adalah perbezaan *minhaj* atau *syir'ah* yang tidak seharusnya dijadikan titik perbezaan yang membawa kepada pecahan (Azad, 1981:160). Menurut Azad lagi, perpecahan umat manusia yang hakiki bukanlah perbezaan agama kerana berbeza agama masih boleh dipertemukan pada intipati *Din*, tetapi ia terletak pada *tasyayyu'* dan *tahadhdhub* yang menjadikan manusia berpuak-puak dan saling mengakui kebenaran secara ekslusif. Pentafsiran sedemikian sudah tentu tidak dapat diterima oleh pemikiran Ahli Sunnah wal Jamaah yang berpegang kepada nilai kebenaran mutlak pada agama Islam. Pentafsiran Azad terhadap beberapa ayat al-Quran juga didapati berbeza dengan pendapat para *mufassirun*. Sebagai contoh, dalam mentafsirkan ayat 99 surah Yunus yang bermaksud:

Azad mentafsirkan ayat ini dengan maksud berikut (Azad, 1981:161):

*'Man by disposition likes to follow a way pleasing to him. Just as you think your way is the right way, even so, others think theirs is the right way. Create therefore in you the quality of tolerance'.*

Pentafsiran demikian sudah tentu bercanggah dengan apa yang diutarakan oleh para *mufassirun* muktabar seperti Ibn Kathir (1999) yang menyatakan ia membawa suruhan untuk terus berusaha berdakwah mengajak kepada Islam kerana urusan hidayah ialah milik Allah SWT. Manakala al-Qurtubi (2006) pula menyebutkan ayat ini merujuk kepada nasib Abu Talib dan ianya merupakan penegasan dari Allah SWT bahawa hidayah adalah milik Allah manakala kerja manusia ialah terus berdakwah.

Kecenderungan pluralistik Azad juga dikatakan berasal dari konsep Islam mistik yang terkandung dalam tradisi sufi, di samping keinginan kuat beliau untuk melihat kesatuan masyarakat Islam dan Hindu di India (Nanang, 2018). Kepercayaannya yang mendalam terhadap pluralisme agama dan persaudaraan adalah berasaskan doktrin sufi yang popular iaitu *wahdatul wujud*. Dengan demikian, beliau mencuba mencari jawapan kepada persoalan falsafah melalui agama. Dalam *Tarjuman al-Quran* terdapat pernyataan Azad menjelaskan bahawa intipati dari Islam itu sebagai pengakuan akan keesaan Allah dan kesatuan agama-agama (Saidul Amin, 2018). Umat Islam dikatakan tidak boleh menganggap dirinya *superior* dibandingkan penganut-penganut dari agama yang lain kerana semua agama adalah benar. Hal ini telah dikritik oleh penulis terdahulu yang melihat Azad cenderung kepada pemikiran pluralisme. Hal ini adalah kerana Azad mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat Hindu sehingga menyebabkan beliau membuat kesimpulan ekstrim kesatuan agama bukan kerukunan agama (Saidul Amin, 2014). Dengan demikian, pandangan Azad ini dikatakan bertentangan dengan ajaran Islam yang sebenar.

## KESIMPULAN

Makalah ini mengetengahkan tokoh nasionalis Muslim India iaitu Abul Kalam Azad serta sumbangannya dalam gerakan nasionalisme dan pemikiran Islam khususnya melalui karya tafsir beliau. Dikesani semangat pan-Islamisme, Azad berusaha untuk membangunkan umat Islam melalui transformasi pemikiran dan semangat nasionalisme. Azad berusaha menggerakkan perjuangan nasionalisme di India melalui usaha penyatuan masyarakat Islam dan Hindu bagi bekerjasama melawan pemerintahan British. Meskipun Azad mempunyai latar belakang pendidikan agama yang kuat, kecenderungan beliau kepada arena politik lebih kuat dan ketara sehingga beliau mengganggotai parti utama di India malahan menjadi ahli kabinet selepas itu. Meskipun begitu sumbangan pemikiran Islam Azad tetap wujud melalui karya utama beliau *Tarjuman al-Quran*. Azad berjaya mengetengahkan tema-tema utama dalam surah al-Fatiha secara komprehensif dan melatari situasi yang berlaku di India pada ketika itu. Walau bagaimanapun, nilai pluralisme agama dengan konsep *wahdah al-adyan* (kesatuan agama) jelas kelihatan dalam pemikiran Azad. Hal ini berkemungkinan bertitik tolak daripada

keinginan beliau untuk penyatuan umat Islam dan Hindu di India sehingga beliau terlalu bersandar kepada nilai toleransi beragama secara ekstrem.

## RUJUKAN

- Abd Rauf Hassan Azhari. (2004). Sejarah dan asal-usul Bahasa Arab: satu kajian linguistik sejarawi. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.*, 12(2), 135-141.
- Abdul Sani. (1998). *Lintasan Sejarah Pemikiran: Perkembangan Modern dalam Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Abul Kalam Azad. (1981). *The Tarjuman al-Quran*. Ter. Syed Abdul Latif. Hyderabad: Syed Abdul Latif's Trust for Quranic & Other Cultural Studies
- Ahmad Nabil Amir. (2020). Sir Sayyid Ahmad Khan dan gerakan pembaharuan di Aligarh. *El-Buhuth*, 2(2), 121-130.
- Ahmad Rafiq. (2001). “Kesatuan Tuhan” dan “Kesatuan Agama” (studi atas penafsiran Mawlana Abu al-Kalam Azad). *Jurnal Studi Ilmu-Ilmu al-Quran dan Hadis*, 2(1), 35-53.
- Ahmad Syaukani. (1997). *Perkembangan Pemikiran Modern di Dunia Islam*. Bandung: CV Pustaka Setia.
- Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad. (2006). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Jil. 11. Beirut: Muassasah al-Risalah
- Asrul. (2019). Al-afghani dan akar pembaharuan sosial-teologi (studi kitab *al-Radd 'ala al-Dahriyyin*). *TASFIAH: Jurnal Pemikiran Islam*, 3(2), 1-34.
- B. Syafuri. (1996). Abul Kalam Azad dan nasionalisme India. *AL-QALAM*, 58(11), 25-29.
- H.M. Yusran Asmuni. (1996). *Dirasah Islamiah III: Pengantar Studi Pemikiran dan Gerakan Pembaharuan dalam Dunia Islam*. Jakarta: PT Raja Grafindo Persada.
- Harun Nasution. (1992). *Pembaharuan dalam Islam: Sejarah Pemikiran dan Gerakan*. Jakarta: PT Bulan Bintang.
- Ibn Kathir, abu al-Fida' Ismail bin Umar. (1999). *Tafsir al-Quran al-'Azim*. Jil. 4. Riyadh: Dar al-Tayyibah
- Kenneth Pletcher. (2021). Encyclopedia Britannica: Abul Kalam Azad (Indian Theologian). Diperoleh dari, <https://www.britannica.com/biography/Abul-Kalam-Azad>, dicapai pada, 28 Februari 2021.
- Lien Iffah Naf'atu Fina. (2012). Menghayati tuhan dan agama yang rahmah: mengaji surat al-Fatiyah bersama Abul Kalam Azad. Dlm, Moch. Nur Ichwan & Ahmad Muttaqin, *Agama dan Perdamaian: Dari Potensi Menuju Aksi*. Yogyakarta: CR Peace.
- Mas Ahmad Muhammad. (2020). Kasih sayang dan keadilan tuhan menurut Abul Kalam Azad (studi interpretasi surah al-Fatiyah ayat 3-4 dalam tafsir *The Tarjuman al-Quran*). Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Sunan Ampel Surabaya. Diperoleh dari, [http://digilib.uinsby.ac.id/44251/2/Mas%20Ahmad%20Muhammad\\_E03216026.pdf](http://digilib.uinsby.ac.id/44251/2/Mas%20Ahmad%20Muhammad_E03216026.pdf), dicapai pada 13 Mac 2021.

- Mohamad Zulfazdlee Abul Hassan Ashari, Mohd Roslan Mohd Nor & Ezad Azraai Jamsari. (2013). Perbahasan sejarah Islam di India dalam *al-Kamil fi al-Tarikh* karya Ibn al-Athir. *Islamiyyat*, 35(2), 35-46.
- Neny Muthi'atul Awwaliyah. (2020). Maulana Abul Kalam Azad: pemikir Muslim kontemporer asal India dan kontribusinya terhadap kajian al-Quran. Diperoleh dari, <https://tafsiralquran.id/maulana-abul-kalam-azad-pemikir-muslim-kontemporer-asal-india-dan-kontribusinya-terhadap-kajian-al-quran/>, dicapai pada 14 Mac 2021.
- Sadari. (2020). Asimilasi spektrum peradaban Islam dan keberislaman di India. *Misykat*, 5(1), 73-100.
- Saidul Amin. (2014). Hubungan Islam, Hindu dan Kristen di India: studi terhadap pemikiran keagamaan Syaid Ahmad Khan (1817-1898) dan Abul Kalam Azad (1888-1958). *TOLERANSI: Media Komunikasi Umat Beragama*, 6(2), 179-187.
- Saidul Amin. (2018). Peta pembaharuan pemikiran Islam di India. *Majalah Ilmu Pengetahuan dan Pemikiran Keagamaan Tajdid*, 21(1), 11-30.
- Saleh Nur. (2010). Abdul Kalam Azad: Nasionalisme India. *Jurnal Ushuludin*, 16(2), 212-220.
- Tauseef Ahmad Paray. (2015). Sir Sayyid Ahmad Khan (1817-1898) on taqlid, ijtihad and science-religion compatibility. *Social Epistemology Review and Reply Collective*, 4(6), 19-34.
- Toipah. (2017). Tafsir al-Quran atas problematika lintas agama: kajian atas Tafsir *Tarjuman al-Quran* karya Mawlana Abul Kalam Azad. *QOF*, 1(1), 65-77.
- Za'im Kholilatul Ummi. (2020). Tuhan dalam *Basic Concept of the Quran*: pembacaan atas pemikiran Maulana Abul Kalam Azad. *El-Afkar*, 9(2), 276-287.
- Zulhelman Roslan & Ermy Azziaty Rozali. (2017). Polisi pan-Islamisme semasa pemerintahan Sultan 'Abd al-Hamid II (1876-1909M). *Islamiyyat*, 39(1), 67-81.